

# ADAKAH ANDA SEORANG PEMPENGARUH KEWANGAN?

Ingin berkongsi peluang pelaburan di media sosial? **TUNGGU SEBENTAR!**



**Adakah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mengawal selia aktiviti pengiklanan dan promosi produk dan perkhidmatan pasaran modal di Malaysia?**

SC mengawal selia aktiviti pengiklanan dan promosi produk dan perkhidmatan pasaran modal (contohnya dana unit amanah, mata wang kripto, platform dagangan) kepada warga Malaysia.

1



**Adakah aktiviti yang anda lakukan memerlukan kelulusan SC?**

Sila teliti kandungan yang anda kongsi kerana ianya mungkin merupakan suatu aktiviti yang memerlukan kelulusan daripada SC. Kegagalan mendapatkan kelulusan daripada SC merupakan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah undang-undang dan anda boleh didenda sehingga RM10 juta atau dipenjarakan sehingga 10 tahun atau kedua-duanya.

2



**Adakah syarikat yang mengeluarkan atau menyediakan produk atau perkhidmatan pasaran modal yang anda promosi telah diluluskan oleh SC?**

Amat penting untuk anda menyemak sama ada syarikat tersebut telah diluluskan oleh SC. Sekiranya tidak, anda mungkin terlibat dalam membantu atau bersubahat dengan syarikat yang tidak diluluskan oleh SC atau yang melakukan penipuan, dan boleh menyebabkan anda dikenakan tindakan undang-undang.


3



**Adakah kandungan yang dikongsi jelas, adil dan seimbang?**

Sila pastikan kandungan yang anda kongsi jelas, adil dan seimbang kerana perkongsian kandungan yang palsu atau mengelirukan boleh menyebabkan anda dikenakan tindakan undang-undang.

4



**Adakah anda sedar bahawa aktiviti menghantar, berkongsi atau mempromosikan maklumat berkaitan mata wang kripto mungkin memerlukan kelulusan SC?**

Aktiviti menghantar, berkongsi atau mempromosikan maklumat berkaitan mata wang kripto mungkin memerlukan kelulusan SC jika anda memberikan nasihat pelaburan mengenai mata wang kripto.

5



**Adakah anda mempromosikan platform dagangan yang menawarkan komisen menarik serta program afiliasi?**

Mana-mana platform dagangan yang mempromosikan produk atau perkhidmatan pasaran modal yang disasarkan kepada warga Malaysia memerlukan kelulusan daripada SC. Sekiranya anda mempromosikan platform dagangan yang dioperasikan oleh penipu atau yang tidak diluluskan oleh SC, anda boleh dikenakan tindakan undang-undang bagi kesalahan membantu atau bersubahat dalam menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

6

**Senarai semak bagi memastikan aktiviti promosi yang berhemah:**



**Tanya!** Adakah anda memberikan sebarang nasihat pelaburan?

Sila rujuk kepada *Nota Panduan Penyediaan Nasihat Pelaburan* yang dikeluarkan oleh SC.



**Amaran!** Adakah anda telah menyemak syarikat yang menghubungi anda untuk melakukan aktiviti promosi?

Untuk menyemak sama ada individu atau syarikat tersebut diluluskan oleh SC, sila rujuk portal Semak Sebelum Labur SC - <https://www.sc.com.my/investment-checker>. Jika ada keraguan, hubungi SC di talian 03 6204 8999 atau e-mel di [aduan@seccom.com.my](mailto:aduan@seccom.com.my).



**Semak!** Adakah aktiviti menghantar, berkongsi atau mempromosikan maklumat yang anda lakukan mematuhi garis panduan pengiklanan yang dikeluarkan oleh SC?

Pastikan aktiviti menghantar, berkongsi atau mempromosikan maklumat yang anda lakukan mematuhi *Garis Panduan SC mengenai Pengiklanan bagi Produk Pasaran Modal dan Perkhidmatan Berkaitan*.

**#telitibarukongsi**  
**#pausebeforeyoupost**